



LAPORAN LAWATAN TEKNIKAL

AHLI JAWATANKUASA KERJA AKTA LANDSKAP

JABATAN LANDSKAP NEGARA KE JEPUN

25 HINGGA 29 JUN 2012



Tokyo



Kyoto



Osaka



Disediakan oleh:



Rotina binti Mohd Daik; Mohd Nasir bin Mohamed; Mohd Nazeiree bin Lep
JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



ISI KANDUNGAN

Muka surat

1	Pendahuluan	
1.1	Tujuan Lawatan	1
1.2	Objektif Lawatan	1
1.3	Latar Belakang Lokasi Lawatan	2-3
2	Taklimat Akta Landskap Jepun oleh ‘Ministry of Land, Infrastructure, Transportation and Tourism, Japan’ (MLIT)	
2.1	Latar Belakang	4
2.2	Kandungan Umum	5
3	Lawatan Teknikal	
3.1	<i>Kyoikunomori Park, Tokyo</i>	13
3.2	<i>Koishikawa Botanical Garden, Tokyo</i>	17
3.3	<i>Tokyo Imperial Palace East Garden, Tokyo</i>	21
3.4	Pusat Bandar Kyoto	25
3.5	<i>Kyoto Gyoen National Garden, Kyoto</i>	31
3.6	<i>Kyoto Gion District, Kyoto</i>	36
3.7	<i>Chion-In Temple, Kyoto</i>	41
3.8	<i>Maruyama Park, Kyoto</i>	46
3.9	<i>Osaka Castle Park, Osaka</i>	50
4	Kawasan Landskap	
4.1	Landskap Pinggiran Jalan	55
4.2	Taman Poket	57
4.3	Landskap Pinggiran Sungai / <i>Promenade</i>	59
4.4	Landskap Kawasan Perindustrian	62
4.5	Landskap Premis Milik Individu	63
4.6	Kemudahan Keselamatan Taman	66
5	Rumusan	71

1.0 PENDAHULUAN

Pembangunan landskap Negara mula mendapat perhatian dari pihak Kerajaan melalui penubuhan Jabatan Landskap Negara (JLN) pada 1 Januari 1996. Penubuhan JLN telah membantu pembentukan halatuju pembangunan landskap secara lebih komprehensif dan menyeluruh sesuai dengan tujuan penubuhannya sebagai agensi yang bertanggungjawab mengawal selia perancangan dan pembangunan landskap Negara.

Dasar Landskap Negara diluluskan oleh Kerajaan pada 22 Disember 2010 yang kemudiannya dilancarkan secara rasmi pada 30 September 2011 menjadi pemangkin kepada pencapaian persekitaran kehidupan yang berkualiti dan menyeluruh selaras dengan matlamatnya untuk menjadikan '**Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020**'. Matlamat ini dapat direalisasikan secara lebih tersusun serta mampan sifatnya melalui penggubalan akta khusus bagi mengawalselia perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap.

Akta khusus berkaitan landskap merupakan sesuatu yang masih baru di rantau ini. Justeru, untuk mendapatkan suatu asas yang kukuh dalam penetapan kandungan umum akta yang memenuhi dan menepati keperluan kesemua pihak, rujukan perlu dibuat terhadap negara yang telah menguatkuasakan akta berkaitan. Hal ini membolehkan pendekatan yang bersesuaian dapat diambil dalam menggubal akta landskap yang komprehensif dan praktikal. Sehubungan dengan itu, satu lawatan teknikal ke negara Jepun yang telah menguatkuasakan Akta Landskap sejak tahun 2004 telah diadakan pada 25 hingga 29 Jun 2012. Delegasi lawatan dianggotai oleh pegawai dari Jabatan Landskap Negara iaitu:

- i) **Puan Hj. Rotina binti Mohd Daik (Ketua Delegasi Lawatan)**
- ii) **Encik Mohd Nasir bin Mohamed**
- iii) **Encik Mohd Nazeiree bin Lep**

1.1 TUJUAN LAWATAN

Lawatan Teknikal Ahli Jawatankuasa Kerja Akta Landskap diadakan di Jepun bertujuan untuk **membuat pemerhatian, mempelajari dan membuat perbandingan ringkas** tentang perkembangan pembangunan landskap di negara berkenaan melalui pelaksanaan '*Japan Landscape Act*' pada tahun 2004.

1.2 OBJEKTIF LAWATAN


Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk:

- **mendapatkan perkongsian pengalaman** dari pihak yang berautoriti berkenaan '*Japan Landscape Act*' untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam usaha penggubalan Akta Landskap di Malaysia;
- **meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kepakaran pegawai** dalam aspek perundangan landskap dengan menjadikan Jepun sebagai model rujukan;

- membuat pemerhatian terhadap pembangunan landskap di negara Jepun terutama dari segi perancangan landskap, pembangunan taman, infrastruktur hijau dan kualiti pengurusan landskap; dan
- melaksanakan kajian perbandingan ringkas hasil temuan terhadap pemerhatian yang dibuat sebagai pertimbangan dalam penggubalan Akta Landskap.

1.3 LATAR BELAKANG LOKASI LAWATAN

Jepun atau diungkapkan sebagai Nippon atau Nihon oleh warga tempatan, adalah merupakan sebuah negara kepulauan yang terletak di Asia Timur dan berjiran dengan negara China, Korea Utara, Korea Selatan, Rusia dan Taiwan. Negara ini terbentuk dari gugusan kepulauan yang berjumlah 6,852 pulau. Terdapat empat pulau terbesar iaitu Honshu, Hokkaido, Kyushu dan Shikoku, yang merangkumi keluasan kira-kira 97 peratus Negara Jepun. Keluasan keseluruhan Jepun ialah 377 835 km².



Bendera negara Jepun




Peta negara Jepun

Bilangan penduduk Jepun merupakan yang kesepuluh tertinggi di dunia dengan jumlah penduduk hampir 127,000,000 orang. Daripada jumlah tersebut, kawasan *Greater Honshu Tokyo*, yang termasuk ibu kota Tokyo dan beberapa wilayah sekitarnya, adalah merupakan kawasan metropolitan terbesar di dunia, dengan lebih 30 juta penduduk mendiami kawasan tersebut. Kemajuan teknologi dan kepelbagaian sektor perindustrian di Jepun telah meletakkan kedudukan ekonomi negara tersebut sebagai yang ketiga tertinggi di dunia dan di tangga keempat dalam pasaran import dan eksport.

Dalam urusan pentadbiran, negara Jepun dibahagikan kepada **47 wilayah (*perfecture*)** yang setiap satunya ditadbir oleh gabenor, badan perundangan dan pentadbiran yang dipilih. Setiap wilayah ini seterusnya dibahagikan kepada bandaraya, bandar dan kampung-kampung yang ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (*municipality*) yang tersendiri mengikut kawasan pentadbiran masing-masing.

Wilayah-wilayah yang telah dipilih untuk dilawati dalam rangka lawatan teknikal selama lima (5) hari yang telah dirancang ini adalah **Tokyo, Kyoto dan Osaka**.



Pelan wilayah-wilayah (*perfecture*) yang terdapat di Jepun

2.0 TAKLIMAT AKTA LANDSKAP JEPUN OLEH MLIT, JAPAN



Sesi taklimat di MLIT, Japan

Sesi taklimat ini telah diatur melalui pihak Kedutaan Malaysia di Tokyo yang bertujuan untuk mendapatkan perkongsian pengalaman dan gambaran umum tentang pelaksanaan akta khusus berkaitan landskap di Jepun. Taklimat telah disampaikan oleh **Encik Naoto Hayashi** yang mewakili pihak **Ministry of Land, Infrastructure, Transportation and Tourism, Japan (MLIT)**. Medium bahasa yang digunakan adalah Bahasa Jepun yang kemudiannya diterjemahkan oleh **Cik Hiromi Rokuta**.

2.1 LATAR BELAKANG PENGGUBALAN AKTA LANDSKAP JEPUN



Bangunan Kondominium 'Kunitachi Mansion' yang menjadi pertikaian.

Sebagai negara ketiga tertinggi di dunia dari segi ekonomi, pembangunan dan pertumbuhan negara Jepun adalah sangat pesat sehinggakan penekanan terhadap aspek landskap kurang mendapat perhatian. Berdasarkan hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (*municipality*) telah menggubal ordinan masing-masing yang bertujuan untuk melindungi kepentingan landskap. Bilangan PBT yang membangunkan ordinan masing-masing kian bertambah dari semasa ke semasa.

Kemuncak kepada tercetusnya usaha untuk menggubal Akta Landskap Jepun ini berlaku apabila terdapat kes mahkamah melibatkan orang awam yang menuntut supaya sebuah bangunan kondominium (*Kunitachi Mansion*) dirobohkan atas alasan mengganggu kualiti landskap setempat. Walau bagaimanapun, tuntutan tersebut telah diketepikan, namun pihak Mahkamah Tinggi Jepun yang membicarakan kes tersebut mencadangkan supaya digubal akta khusus untuk melindungi kepentingan landskap negara Jepun.

Pihak MLIT merupakan agensi pusat yang bertanggungjawab dalam urusan berkaitan landskap telah merangka dasar '**Beautiful Nation**' pada **Julai 2003** yang menggariskan pelan tindakan menjadikan Jepun sebagai sebuah Negara yang indah bagi **meningkatkan pembangunan ekonomi berasaskan pelancongan**. Dasar tersebut turut menggariskan keperluan untuk membangunkan sistem perundangan yang komprehensif dan sistematik bagi menggalakkan pemeliharaan dan pembentukan pemandangan yang berkualiti.

Dalam hal ini, pihak MLIT telah mengambil tiga (3) langkah perlu iaitu:

- Menggubal Akta Landskap
- Semakan semula perundangan dan sistem yang berkaitan penghijauan seperti 'Urban Green Space Protection Law'.
- Menambah baik sistem pengiklanan luaran untuk memelihara kualiti pemandangan.

Akta Landskap Jepun yang kemudiannya digubal telah diterima pakai pada tahun 2004 dan menjadi akta induk dalam mengawalselia pembangunan dan pemeliharaan landskap serta kualiti pemandangan di Negara Jepun.

2.2 KANDUNGAN UMUM AKTA LANDSKAP JEPUN



Jaringan hijau yang terdapat di tengah-tengah kepesatan pembangunan Bandaraya Tokyo membantu keseimbangan persekitaran tempatan.

Penggubalan Akta Landskap Jepun adalah bertujuan untuk memastikan pembangunan fizikal adalah berteraskan kepada usaha memelihara dan memperkayakan keindahan negara Jepun. Pada masa yang sama, mewujudkan suasana persekitaran kehidupan yang menarik dan selesa serta menonjolkan kepelbagaian personaliti masyarakat dengan mengambil langkah-langkah yang komprehensif untuk membangunkan landskap bandar dan luar bandar yang baik melalui perancangan landskap yang menyeluruh dan praktikal.

Akta ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Jepun selain menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta pembangunan yang mesra rakyat melalui pemeliharaan, pemuliharaan dan penambahbaikan landskap yang berkualiti.

a) Falsafah Asas

Dalam membentuk halatuju pembangunan landskap yang berkongsi pemahaman bersama, falsafah asas berhubung dengan landskap telah digariskan iaitu:

- Landskap yang indah dan berkualiti adalah merupakan **aset bersama** untuk generasi masa kini dan akan datang.
- Pembentukan landskap adalah **secara harmoni** dengan alam semulajadi, nilai sejarah, budaya, corak hidup masyarakat, aktiviti ekonomi dan sebagainya.
- Landskap perlu dibentuk melalui **pendekatan yang pelbagai** untuk menonjolkan keunikan identiti dan karakter sesuatu kawasan.
- Landskap yang indah dan berkualiti **memainkan peranan penting dalam mempromosikan industri pelancongan dan meningkatkan pembangunan ekonomi serantau** yang mana ianya memerlukan kerjasama antara penduduk tempatan, pengusaha perniagaan dan pihak berkuasa untuk menjayakannya.
- Landskap yang indah dan berkualiti bukan sahaja **dipelihara** tetapi **usaha untuk memperbanyakkan** kawasan seumpamanya perlu dipergiatkan.



Visual landskap dari laluan keretapi Tokyo – Kyoto jelas menunjukkan pemeliharaan landskap di kawasan pertanian mampu menonjolkan identiti dan karektor unik kawasan tersebut. Hal ini dapat direalisasikan melalui penguatkuasaan Akta Landskap Jepun yang menitik beratkan pemeliharaan kawasan yang mempunyai nilai landskap.

b) Tanggungjawab Pihak Berkepentingan

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan usaha untuk membangun dan mengekalkan landskap yang indah dan berkualiti, tanggungjawab kesemua pihak yang berkepentingan turut digariskan dalam Akta Landskap Jepun iaitu:-

- **Kerajaan pusat** – bertanggungjawab dalam menggubal langkah-langkah yang bersifat menyeluruh berkaitan pembangunan landskap yang baik selaras dengan 'falsafah asas' yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak kerajaan pusat turut bertanggungjawab dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman tentang 'falsafah asas' landskap yang baik melalui pendidikan dan penerangan secara berterusan.
- **Pihak berkuasa tempatan** – bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan langkah-langkah untuk menggalakkan pembangunan landskap yang baik dengan mengambilkira peranan di peringkat tempatan dan kerajaan pusat.
- **Pengusaha perniagaan** – bertanggungjawab dalam memastikan penyediaan landskap yang baik di kawasan guna tanah masing-masing selain memberikan kerjasama terhadap langkah-langkah ke arah penambahbaikan landskap yang digariskan oleh pihak berkuasa.
- **Penduduk tempatan** – bertanggungjawab untuk turut serta secara aktif dalam usaha pembentukan landskap dengan memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan sama ada di peringkat persekutuan ataupun tempatan.



Premis kediaman dan perniagaan milik individu yang dilandskapkan dengan baik walupun pada ruang yang minimum menambahkan lagi suasana yang harmoni dan memberikan keselesaan bagi pengguna laluan pejalan kaki.

c) Struktur Perundangan Landskap Jepun

Akta Landskap Jepun disusun melalui struktur pentadbiran dan skop perundangan asas untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan akta tersebut. Peraturan khusus digubal dalam bentuk ordinan bagi kawasan perancangan landskap masing-masing.

i) Organisasi Pentadbiran Landskap - *Landscape Administrative Organization (LAO)*

Merupakan badan yang bertanggungjawab mengawalselia pembangunan landskap melalui penguatkuasaan Akta Landskap Jepun. Pusat Pentadbiran Kerajaan iaitu Tokyo dan wilayah-wilayah utama seperti Yokohama, Osaka, Kyoto dan lain-lain adalah secara automatik merupakan LAO. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ingin menjadi LAO perlu mengadakan perbincangan dan perjanjian dengan Penguasa Wilayah masing-masing.



Hubungkait struktur pentadbiran dan skop perundangan landskap di mana terdapat badan induk (*landscape council*) yang menyelia pembangunan landskap keseluruhan di PBT serta badan yang dilantik (*landscape formation organization*) untuk menguruskan suatu kawasan atau komponen landskap yang ditetapkan berdasarkan pelan-pelan perancangan yang telah digariskan.

ii) Kawasan Perancangan Landskap (*Landscape Planning Areas*)

Merupakan kawasan yang ditentukan oleh LAO melalui penyediaan pelan perancangan landskap yang turut mengandungi garis panduan dan peraturan (pemberitahuan, peringatan dan pelupusan) yang spesifik berasaskan Akta Landskap Jepun. Perkara berkaitan jalan, sungai dan utiliti tertentu boleh dikategorikan sebagai kemudahan awam yang berkepentingan landskap melalui penyelarasan dengan beberapa agensi terlibat bagi membolehkan Akta Landskap digunapakai untuk memelihara atau menambahbaik kemudahan tersebut.

iii) Zon Landskap (*Landscape District*)

Sistem zon landskap diperkenalkan bagi mendorong pembentukan kawasan landskap yang berkualiti secara lebih drastik. Sistem ini adalah berasaskan Akta Perancangan Bandar (*City Planning Law*) sedia ada bagi membolehkan peraturan terperinci digariskan bagi kawasan tersebut untuk memelihara kepentingan landskap dan meningkatkan imej perbandaran. Antara perkara yang diberi perhatian adalah bentuk dan warna bangunan, ketinggian dan kedudukan bangunan serta penggubahan karektor tanah atau kawasan.

iv) Bangunan Berkepentingan Landskap (*Buildings Important for Landscape*)

LAO bertanggungjawab untuk menentukan bangunan, struktur dan pokok yang mempunyai karakter tertentu yang mempunyai nilai dari segi landskap untuk diselenggara dan dikekalkan oleh pemilik aset tersebut. Tiada perubahan boleh dibuat tanpa kebenaran LAO, namun insentif cukai diberikan kepada pemilik berkaitan.




Struktur bangunan, pokok dan ruang tepian jalan diambilkira sebagai komponen yang mempunyai kepentingan terhadap pembentukan landskap yang berkualiti dikekalkan melalui Akta Landskap Jepun.

v) **Pelan Pembentukan Kawasan Landskap Pertanian (*Landscape Agriculture Promotion Region Formulation Plan*)**

Kawasan pertanian dengan kualiti visual yang menarik seperti kawasan penanaman padi bertingkat dengan zon penanaman landskap perlu dikekalkan dan diselenggara dengan baik melalui kerjasama antara penduduk setempat dan Organisasi Pembentukan Landskap - *Landscape Formulation Organization* (LFO).

vi) **Organisasi Pembentukan Landskap -*Landscape Formation Organization* (LFO)**

LFO adalah merupakan badan yang dilantik oleh LAO yang terdiri daripada NGO atau badan korporat berkepentingan awam yang berfungsi dalam memelihara dan menyelenggara kepentingan landskap seperti kawasan landskap pertanian dengan kerjasama penduduk tempatan, pengusaha perniagaan dan pihak berkuasa berkaitan.



Skop kawasan yang diliputi di bawah Akta Landskap Jepun merangkumi kawasan landskap semulajadi, kawasan landskap pertanian dan kawasan landskap perbandaran.

d) Sistem Sokongan Perundangan Landskap

Akta Landskap Jepun yang digubal melibatkan pelbagai perubahan dari segi sosio-budaya dan sosio-ekonomi masyarakat. Bagi memastikan penguatkuasaan akta tersebut bersifat mampan dan tidak menimbulkan konflik terhadap masyarakat, sistem sokongan secara bersepadu diperkenalkan.

i) Pendidikan Landskap

Pelaksanaan Akta Landskap Jepun memerlukan perubahan dari segi pemikiran dan kesediaan masyarakat untuk menerima dan menghargai kepentingan landskap. Program pendidikan landskap dirangka seiring dengan pelaksanaan akta dan ianya melibatkan semua peringkat masyarakat. Kaedah pendidikan yang sistematik dan interaktif diperkenalkan untuk para pelajar di peringkat kanak-kanak sehingga remaja. Pelaksanaan aktiviti bagi program ini melibatkan peruntukan secara subsidi dari pihak kerajaan.



Manakala bagi orang awam, terdapat program kesedaran yang dianjurkan sama ada oleh pihak Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti. Pelaksanaan program adalah secara konsisten melibatkan aktiviti berkaitan penambahbaikan kualiti visual sesuatu kawasan, pemeliharaan landskap dan sebagainya.



Program pendidikan landskap yang diadakan di sekolah.

景観まちづくり教育の大きな枠組み

景観まちづくり教育を展開する枠組みとして、大きく「景観に対する関心喚起」と「景観まちづくりに対する動機づけ」の2つのアプローチが想定できます。これらに並行的に取り組むことが必要です。

景観に対する関心喚起

- まずは、より多くのひとに、景観に関心を持ってもらうことが大切です。そのためには、様々な場を活用して、講座やイベントの開催などを通じて、地域の景観の価値に気付く機会を設けることが有効な方法です。
- やり方は様々ですが、それぞれの人々の興味・関心や、日常生活に関わる身近な動機を入口として景観に惹かれるように工夫すると効果的です。
- 身の回りの環境や暮らしなどの日々の暮らしに感じられた活動も、良好な景観の形成に貢献する取り組みであり、自分も景観まちづくりの担い手なのだ、という意識を持ってもらうことが大切です。その上で、対象者の関心や活動状況に応じて、様々な知識を伝達していくようにしましょう。

景観や景観まちづくりの
大切さを理解してもらおう！

様々な機会を通じて景観や景観まちづくりに対する関心を喚起する。

住民等を対象として 景観や景観まちづくりへの関心を育てる講座やイベント等を開催

- 住民等を身近な対象として、景観や景観まちづくりに関する講座やイベント等を開催し、地域の景観に目を向け、その価値や意義についての理解を促進し、景観まちづくりに積極的に参加してもらうための土台を築きます。
- 子どもを対象とする場合には、楽しんでも取り組むことができ、子どもが自ら様々なことに気づくように工夫することが大切です。



パワハラゲリラによる
景観の導入の取り組みの
実践



沿道の景観を学ぶ
住民向けガイドツアー

子どもたちを対象とする小・中学校での 景観まちづくり学習を促進

- 小・中学校において、学校やまちの景観や景観まちづくりをテーマとした総合学習の授業や、関連する分野に景観まちづくりを盛り込んだ各教科の授業などを行い、年少期から景観への関心を高めることで、将来、景観まちづくりに積極的に参加してもらう土台を築きます。
- また、保護者や地域の住民に対して、商業の支援を依頼したり学習成果を展示したりすることで、これらの人々に対する関心喚起にも繋がります。



総合学習の授業を活用した
地域の景観学習



保護者や地域の住民へ
展示した学習成果の発表会

景観まちづくりに対する動機づけ

- 景観に対する関心の喚起と並行して、景観まちづくり活動に参加する動機づけを行うことが効果的になります。
- できるだけ多くのひとに関わってもらうためには、景観まちづくりを広く伝えることが大切です。例えば、公共施設の落成式や開業式やイベント、管理・運営への参加等も、動機づけの機会として活用することが考えられます。
- まずは、実際に景観まちづくりに参加し、その楽しさややりがい、効果等を体験してもらうことが有効です。さらに、長期的には、景観まちづくりの意義や考え方、多様な関係者の存在、自らの役割などを体系的に学んでもらうことが目標となります。

景観まちづくりの楽しさや
意義を体験してもらおう！

実際の活動を通じて景観まちづくりに対する動機づけを行う。

行政による景観まちづくり事業を住民等との 積極的な協働を図りながら実施

- 地域の特性を活かした公共空間の整備や、商業施設や公共施設の機能、歴史的まちなどの整備など、行政による景観まちづくり事業を住民等との協働を積極的に図りながら推進することを通じて、様々な立場の人たちが、自らの立場で果たすべき役割や他の立場の関係者との役割について実践的に学習する機会とします。
- 企画・設計・施工に関わる専門家や、地域の住民、地元の商工会、商業地産委員会など、関係者を広く交えることが有効です。



地域のシンボルとなる商業
施設の新築の準備



商業と景観によるまちの
魅力の再評価

住民等による主体的・継続的な景観まちづくり 活動を多面的に支援

- 地域の特性や公衆の健康、歴史的価値などを活用した商業施設整備、景観に配慮した建築物等のデザインの実現など、住民や事業者等による景観まちづくり活動を支援し、それぞれの立場の人たちが活動を通じて、地域の特色を認識し、地域の価値を高め、果たすべき役割や、取り組むべき活動を学ぶ機会とします。



観光に誘引するだけでなく
まちの魅力を高める



まちの魅力を高める
商業施設整備

Laporan aktiviti pendidikan dan program kesedaran landskap oleh pihak MLIT.

ii) Insentif Cukai

Isu utama yang menjadi pertimbangan dalam penguatkuasaan Akta Landskap Jepun adalah ianya melibatkan aset atau tanah yang menjadi hakmilik individu. Selain memberikan pendedahan tentang kepentingan landskap, pihak kerajaan Jepun turut menawarkan insentif cukai kepada individu yang memberikan kerjasama dalam melaksanakan langkah-langkah yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pengurangan cukai sehingga ¥15 juta (RM600,000) bagi syarikat atau individu yang premisnya dikategorikan sebagai bangunan berkepentingan landskap di dalam Pelan Perancangan Landskap.

3.0 SESI LAWATAN TEKNIKAL

Sesi lawatan teknikal dilaksanakan bertujuan melihat lebih dekat senario serta pendekatan perancangan, konsep serta rekabentuk landskap yang diaplikasikan bagi pembangunan landskap di Negara Jepun.

Sesi lawatan teknikal ini terbahagi kepada lawatan di tiga (3) buah bandar utama di Jepun iaitu Tokyo, Kyoto dan Osaka yang merangkumi lawatan di tempat seperti ;

1. Lawatan Teknikal Hari Pertama :

- i. *Kyoikunomori Park, Tokyo*
- ii. *Koishikawa Botanical Garden, Tokyo*
- iii. *Tokyo Imperial Palace East Garden, Tokyo*

2. Lawatan Teknikal Hari Kedua :

- i. *Pusat Bandar Kyoto*
- ii. *Kyoto Gyoen National Garden, Kyoto*
- iii. *Kyoto Gion District, Kyoto*

3. Lawatan Teknikal Hari Ketiga :

- i. *Chion-In Temple, Kyoto*
- ii. *Maruyama Park, Kyoto*
- iii. *Osaka Castle Park, Osaka*



Kyoto



Tokyo



Osaka

Pemilihan 3 bandar yang berbeza bagi sesi lawatan teknikal ini dilihat dapat memberi pendedahan secara lansung mengenai aspek perancangan dan pembangunan landskap serta penguatkuasaan perundangan terutamanya Wilayah Kyoto yang merupakan model rujukan dalam penggubalan Akta Landskap Jepun.


3.1 KYOIKUNOMORI PARK, TOKYO

Kyoikunomori Park adalah merupakan sebuah taman kejiranan berhampiran *University of Tsukuba* yang berkonsepkan 'green nature'. Ia menonjolkan elemen landskap semula jadi disamping penerapan elemen moden dengan menyediakan ruang rekreasi pasif bagi penduduk sekitarnya. Kedudukan taman yang dikelilingi penempatan penduduk dan bangunan pentadbiran telah menjadikan taman ini sebagai ruang hijau yang penting sebagai kawasan interaksi sosial pengguna.



Kawasan yang diteduhi rimbunan pokok-pokok utama diseimbangi dengan penyediaan elemen 'hardscape' yang minimum untuk mengekalkan ciri kehijauan kawasan tersebut. Pembangunan taman ini boleh dikatakan berkonsepkan hutan bandar. Di sebalik lokasinya yang premier, kawasan ini masih dikekalkan sebagai kawasan landskap dan rekreasi untuk kemudahan masyarakat setempat di bawah peruntukan Akta Landskap Jepun.

Budaya masyarakat Jepun yang mementingkan kesihatan dengan berjalan kaki ke sekolah mahupun tempat kerja menjadikan kawasan taman sebagai laluan pintas kesesuaian tempat oleh penduduk sekitarnya.



Lokasi taman yang berada di tengah-tengah kawasan penempatan dan institusi pendidikan



Laluan masuk dan papan tanda taman.



Ruang tempat duduk yang selesa dibina menggunakan bahan semulajadi. Selain menjadi medium untuk interaksi sosial masyarakat setempat, rekabentuknya yang mesra alam membentuk suasana yang harmoni di taman.



Elemen 'hardscape' yang menggabungkan elemen moden dan artistik serta pengekaln elemen asal yang terdapat di taman ini menjadi titik tumpu dan daya tarikan selain menonjolkan imej taman tersebut.




Keadaan pokok-pokok utama yang rendah menjadikan laluan yang terdapat di dalam taman ini sentiasa redup dan memberi keselesaan kepada pengguna.



Suasana taman yang mengekalkan ruang hijau yang optimum menjadikan taman ini sebagai hutan bandar dalam erti kata yang sebenar.

3.2 KOISHIKAWA BOTANICAL GARDEN, TOKYO

Koishikawa Botanical Garden (小石川植物, *Koishikawa Shokubutsuen*) terletak di *Hakusan*, *Bunkyo-ku*, Tokyo berkeluasan 40 ekar (16 hektar). Taman botani ini dikendalikan oleh Sekolah Pengajian Siswazah Sains, Universiti Tokyo yang mana taman ini pada asalnya merupakan taman herba ubat-ubatan Koishikawa yang ditubuhkan pada tahun 1684 oleh *shogunate* Tokugawa dan ia dikatakan taman botani yang tertua di Jepun



Pelan kawasan *Koishikawa Botanical Garden*

Pemuliharaan tumbuhan adalah merupakan salah satu aktiviti utama Taman Botani ini. Beberapa spesies yang sangat terancam telah dibiak di taman ini dan hasilnya akan dikembalikan ke tempat asal mereka. Pada masa ini, aktiviti penyelidikan tertumpu kepada evolusi, sistematik, fisiologi dan ekologi tumbuhan tinggi.

Koleksi taman ini mengandungi kira-kira 4,000 spesis tumbuhan, termasuk 1,400 spesis berkayu tahan lasak, 1,500 spesis herba tahan lasak dan 1,100 spesis tropika dan subtropika. Kekuatan taman ini terletak kepada koleksi spesis tumbuhan liar yang dibawa dari Jepun, Korea, Taiwan dan China. Selain itu, taman botani ini juga terkenal dengan pemandangan cherry blossom bila tibanya musim bunga pada bulan April.



Bangunan pentadbiran dan pusat penyelidikan taman yang terletak di kawasan taman.

Ciri fizikal taman ini terdiri daripada kawasan berteres, tanah cerun, tanah rendah dan kolam yang menambahkan lagi keindahan taman walaupun dari segi rekabentuknya tidak banyak elemen landskap kejur yang digunakan.

Sokongan Akta Landskap Jepun membolehkan aktiviti penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan taman dilaksanakan secara komprehensif dan mampan.



Persekitaran taman dengan senario yang berbeza pada musim-musim tertentu.



Keadaan semasa *Koishikawa Botanical Garden* yang memperlihatkan koleksi pelbagai spesies pokok disamping susunatur pokok dalam bentuknya yang semulajadi.



Pokok *Ginkgo biloba* berusia hampir 116 tahun menjadi nilai warisan di taman ini. Spesis ini juga merupakan tanaman penting yang membentuk karektor landskap di Jepun.



Elemen landskap kejur seperti tempat minum air, wakaf, penunjuk arah dan papan tanda informasi menggunakan bahan yang mesra alam untuk mengimbangi konsep pembangunan taman yang berunsurkan alam semulajadi.



Pokok-pokok di taman ini hidup subur dan dibiarkan dalam bentuknya yang semulajadi. Penandaan nama yang terdapat di setiap kelompok spesis pokok memberi kemudahan kepada pengunjung.

3.3 TOKYO IMPERIAL PALACE EAST GARDEN, TOKYO

Tokyo Imperial Palace (皇居 , Kōkyō;) merupakan kediaman utama Maharaja Jepun. Ia adalah sebuah kawasan istana yang besar dan mengandungi beberapa bangunan termasuk istana utama (*Kyūden* (宮殿), kediaman peribadi Keluarga DiRaja Jepun, arkib, muzium dan pejabat pentadbiran. Ia dibina di atas tapak lama Istana Edo. Jumlah keluasan kawasan yang termasuk taman-taman adalah 3.41 km² (842.6 ekar)



Pelan kawasan *Tokyo Imperial Palace*. Kawasan yang bertanda adalah merupakan *Tokyo Imperial Palace East Garden*.



Pemandangan dari tapak bekas menara istana berlatarkan bangunan pencakar langit di Tokyo.

Iaitu sebagai menara utama yang tertinggi atau menara istana yang pernah dibina di Jepun yang melambangkan kuasa pemerintahan *Tokugawa shogunate*. Menara ini tidak pernah dibina semula sejak kebakaran pada tahun 1657. Berada di puncak tapak menara ini akan menawarkan sebuah visual landskap yang hebat berlatar belakang bangunan pencakar langit Tokyo.

Tokyo Imperial Palace East Garden (皇居东御苑, *Higashi Gyoen Kōkyō*) adalah sebahagian daripada kawasan dalam istana dan dibuka kepada orang ramai. Kebanyakan bangunan pentadbiran untuk istana terletak di bahagian ini dan merangkumi kawasan bekas *Honmaru* dan *Ninomaru Edo Castle*. Pada Mei 30, 1963, kawasan taman tersebut telah diisytiharkan oleh kerajaan Jepun "Special Historic Relic" di bawah Undang-undang Hartanah Perlindungan Kebudayaan.

Pada bulan Mac dan awal April taman ini akan dipenuhi pengunjung dalam dan luar negara bagi menyaksikan musim *cherry blossom*. Terdapat beberapa pintu masuk ke taman-taman, tetapi kebanyakan pelawat menggunakan pintu *Otemachi* berhampiran stesen keretapi bawah tanah *Otemachi*.


Antara tarikan utama taman ini adalah menara utama *Tenshukaku Edo Castle* yang siap pada 1638 semasa era *Shogun Iemitsu*. Berketinggian 58 meter, ia adalah sebuah bangunan yang mempunyai sejarah tersendiri




Kawasan sekitar istana yang dikelilingi oleh suasana kehijauan turut membuka akses sebahagiannya untuk kegunaan rekreasi awam.



Laluan masuk ke *Tokyo Imperial Palace East Garden* dihubungkan dengan jambatan merentasi kolam yang dahulunya dibina untuk tujuan pertahanan. Rekabentuk tembok yang tinggi menjadi karektor utama binaan istana lama yang menjadi identiti landskap Jepun.



Bekas tapak menara utama *Tenshukaku Edo Castle*



Suasana sekitar istana yang masih mengekalkan warisan asal dan diperkayakan lagi dengan kawasan hijau mewujudkan suasana yang selesa dan harmoni.



Kawasan taman yang boleh diakses oleh orang awam memberikan ruang rekreasi dan interaksi sosial kepada pengunjung tempatan selain menarik kehadiran pelancong.

3.4 PUSAT BANDAR KYOTO

Pusat Bandar Kyoto (京都, Kyōto) ialah sebuah bandar di tengah-tengah Pulau Honshu, Jepun yang diduduki oleh hampir 1.5 juta orang. Ia merupakan bekas Ibu Kota DiRaja Jepun yang kini merupakan Pusat Pentadbiran Wilayah Kyoto dan juga sebahagian utama kawasan Metropolitan Osaka-Kobe-Kyoto (*Keihanshin*).

Kedudukannya terletak di sebuah lembah di Lembangan Yamashiro, di bahagian Timur kawasan pergunungan yang dikenali sebagai Tanah Tinggi Tamba. Lembangan Yamashiro dikelilingi oleh tiga buah gunung iaitu Gunung Higashiyama, Gunung Kitayama dan Gunung Nishiyama.

Keindahan bandar Kyoto adalah terletak pada pemeliharaan budayanya yang boleh dilihat melalui pengekaln bangunan-bangunan lama, rumah-rumah ibadat, taman-taman serta persekitaran yang sentiasa dijaga bersih dan Kyoto merupakan salah sebuah kota lama yang paling terpelihara di Jepun.

Persekitaran landskap yang menarik dapat dilihat melalui penanaman pokok pinggiran jalan, rumah ibadat yang dilengkapi dengan taman, landskap pinggiran sungai, rupa bentuk bandar lama serta kebudayaan masyarakat setempat.



Pelan Wilayah Kyoto dan kedudukan Pusat Bandar Kyoto. Keunikan Pusat Bandar Kyoto di mana bandar baru dan lamanya dipisahkan oleh *Kamo River* yang bersih dan menarik selain senibina warisannya kekal terpelihara. Kawasan Pusat Bandar Kyoto yang di kategorikan sebagai Zon Landskap (*Landscape District*) dikawalselia pembangunannya melalui Akta Landskap Jepun membentuk keseragaman dan keunikan bandar ini.



Pintu masuk utama iaitu *Kyoto Station* merupakan stesyen pengangkutan awam utama di Kyoto.

Seperti juga bandar-bandar lain, Pusat Bandar Kyoto tidak lari dari arus pembangunan moden tetapi ia masih menerapkan ciri-ciri pengekal budaya disamping pemeliharaan landskap persekitaran yang bersih, indah dan selamat.



Kombinasi pembangunan moden dan penjagaan warisan serta pemeliharaan sumber landskap semulajadi menjadikan Pusat Bandar Kyoto menarik dan kondusif untuk didiami.



Kepesatan pembangunan moden tidak menghalang pemeliharaan dan pemuliharaan budaya terus berkembang di Pusat Bandar Kyoto.



Bangunan warisan dengan karektor tersendiri turut dikekalkan dalam bentuk asal memberi gambaran evolusi Pusat Bandar Kyoto sebagai pusat pentadbiran terbesar di Jepun suatu masa dahulu.



Pemeliharaan kawasan pinggir *Kamo River* yang dibangunkan sebagai kawasan landskap pinggir sungai (promenade) dengan penyediaan ruang rekreasi, laluan pejalan kaki dan persekitarannya yang bersih dan indah menjadi tarikan bagi pengunjung dalam dan luar negara.



Pengekalan sumber landskap semulajadi mengukuhkan lagi identiti Pusat Bandar Kyoto sebagai kawasan tarikan pelancongan berasaskan visual landskap yang berkualiti dan kebudayaan masyarakatnya yang mempunyai identiti tersendiri.



Rizab landskap dengan keluasan yang optimum bagi ruang pejalan kaki adalah penting untuk keselesaan pengguna disamping kombinasi pokok teduhan dan renek yang membentuk suasana indah serta berfungsi dari segi penjagaan keselamatan.



Jaringan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan merupakan medium penting bagi masyarakat Kyoto untuk ke sesuatu tempat sama ada berjalan kaki mahupun berbasikal.



Kemudahan yang terdapat di sekitar Pusat Bandar Kyoto direka dan disusun dengan kemas dan teratur mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam kawasan Zon Landskap (*Landscape District*).



Semua pihak mengambil tanggungjawab menyedia dan memelihara landskap serta identiti Pusat Bandar Kyoto bagi mengimbangi persekitaran perbandaran yang pesat membangun.

3.5 KYOTO GYOEN NATIONAL GARDEN, KYOTO

Kyoto Gyoen National Garden terletak di hadapan *Marutamachi Station* di dalam jaringan laluan *Kyoto City Subway*. Ia mengambil masa kira-kira 15 minit dari *Kyoto Station*.

Kawasan ini suatu masa dahulu merupakan kediaman diraja dan para bangsawan yang memerintah negara Jepun. Selepas ibu negara Jepun dipindahkan ke Tokyo pada separuh kedua abad ke-19, kawasan ini telah dijadikan taman dan dibuka untuk kunjungan orang awam.

Suasana kawasan ini agak unik walaupun rekabentuknya agak ringkas. Laluan pejalan kaki hanya menggunakan batu kerikil, namun aset taman ini iaitu pokok-pokok besar yang melebihi umur 100 tahun serta senibina bangunan istana abad ke-17 menjadikan kawasan ini mempunyai identitinya yang tersendiri.

Taman ini berukuran 700 meter dari timur ke barat dan 1,300 meter dari utara ke selatan. Selain dari kelompok pokok-pokok besar dan bernilai warisan, terdapat juga kolam, rumah ibadat dan padang besbol didalamnya yang menjadikan taman ini berfungsi untuk memenuhi rekreasi awam serta sebagai produk pelancongan di Kyoto selaras dengan dasar 'Beautiful Nation' yang dilancarkan oleh Kerajaan Jepun.



Rekabentuk taman yang ringkas untuk memelihara ciri-ciri sedia ada.



Pelan susun atur *Kyoto Gyoen National Garden* berbentuk segiempat dengan keluasan hampir 225 ekar.



Ciri-ciri senibina abad ke -17 yang menggambarkan imej kebudayaan masyarakat setempat dapat dilihat sehingga kini melalui usaha pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah negara untuk tatapan generasi kini.



Kyoto Gyoen National Park dilihat istimewa dengan adanya usaha pengekalan elemen senibina dan landskap bernilai warisan selain menjadi sebahagian daripada koridor hijau Pusat Bandar Kyoto.



Pintu masuk utama ke kawasan Istana dengan rekabentuk senibinanya yang unik.



Tembok yang memisahkan antara kawasan istana dan taman dijaga dengan baik dan rapi.



Kemudahan tempat duduk untuk pengguna menghayati keindahan taman dan bersantai.




Laluan pejalan kaki yang hanya menggunakan batu kerikil sebagai kemasan namun tetap menarik perhatian.



Kawasan lapang yang terdapat di taman ini boleh dimanfaatkan sebagai ruang rekreasi oleh pengguna terutama bagi pelajar universiti berhampiran.





Usaha pengekalan silara pokok dibuat bagi memastikan keindahannya berkekalan.



Kebanyakan pokok di taman ini telah berusia lebih 100 tahun mewujudkan suasana ruang hijau yang menyeluruh.



Suasana hijau dan tenang merupakan identiti tersendiri taman ini yang menjadi lokasi tumpuan pelancong serta sebagai mercu tanda bagi Wilayah Kyoto.

3.6 KYOTO GION DISTRICT, KYOTO

Gion (祇園) adalah sebuah daerah di Kyoto, Jepun yang dibangunkan pada Zaman Pertengahan, di lokasi berhadapan dengan Tokong Yasaka. Kawasan tersebut telah dibina untuk menampung keperluan pelancong dan pengunjung ke kuil. Lama kelamaan ia berubah menjadi salah satu daerah geisha yang paling eksklusif dan terkenal di seluruh Jepun. Kedudukannya adalah terletak di utara-barat *Kiyomizu-dera* iaitu di sekitar *Shijo Avenue* antara Tokong Yasaka di Timur dan Sungai Kamo di Barat.

Sebahagian daripada daerah ini telah diisytiharkan sebagai kawasan pemeliharaan sejarah negara. Usaha pemulihan telah dilaksanakan untuk membaikpulih jalan-jalan di *Gion*, termasuk membina utiliti bawah tanah sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memelihara kecantikan asal *Gion*.

Kawasan ini masih dipenuhi dengan rumah gaya lama Jepun, dikenali sebagai *machiya*, yang bermaksud 'rumah bandar' dan *ochaya* atau 'rumah teh'. Disebabkan dahulunya cukai harta perlu dibayar berdasarkan keluasan bidang jalan hadapan rumah, masyarakat disini telah membina rumah-rumah dengan fasad sempit berukuran 5-6 meter lebar tetapi mengunjur 20 meter ke belakang dari jalan bagi mengelak dikenakan cukai yang tinggi.

Kebudayaan kawasan ini yang berasaskan zaman di mana samurai-samurai mengunjungi *ochaya* yang menggunakan *geiko* sebagai tarikan masih dikekalkan untuk tujuan pelancongan. Hingga ke hari ini, *geiko* dan *maiko* dalam pakaian penuh tradisional masih boleh dilihat di jalan-jalan sekitar *Kyoto Gion District* yang membentuk suasana uniknya yang tersendiri.

Selain itu, kawasan *Shirakawa* yang terletak di sepanjang Terusan *Shirakawa* merupakan antara keunikan lain yang tersapat disini. Terusan ini dipagari oleh pokok-pokok *willow*, dan di pinggirnya terdapat restoran berkelas tinggi serta *ochaya* yang kebanyakannya mempunyai bilik menghadap terusan di mana airnya sangat jernih serta persekitaran landskapnya yang bersih.

Kawasan ini merupakan contoh pemeliharaan zon landskap budaya yang dikuatkuasakan melalui Akta Landskap Jepun dan mampu mengekalkan ciri-ciri budaya setempat untuk tujuan tarikan pelancongan.



Pelan kawasan *Kyoto Gion District*.



Kyoto Gion District merupakan tarikan utama pelancong ke Kyoto.



Machiya (rumah bandar) yang membentuk keunikan kawasan ini.



Ochaya atau 'rumah teh' yang terletak di sepanjang Terusan Shirakawa dengan keadaan airnya yang jernih dan bersih.



Kyoto Gion District telah dikategorikan sebagai Zon Landskap (*Landscape District*) iaitu sebuah kawasan pemeliharaan landskap warisan yang mempunyai keunikan rekabentuk binaan bangunan dan budayanya.



Pemeliharaan ciri-ciri warisan dengan suasana landskap yang indah menggambarkan sikap masyarakat setempat yang amat menghargai budaya dan landskap.



Kyoto Gion District sentiasa menarik perhatian dengan keunikan serta suasana yang sentiasa meriah sama ada di waktu siang ataupun malam.

3.7 CHION-IN TEMPLE, KYOTO

Chion-in (知恩院) adalah merupakan rumah ibadat Ketua Mazhab Jodo bagi agama Buddha yang merupakan salah satu mazhab yang paling popular di Jepun. Rumah ibadat tersebut mempunyai kawasan yang luas dengan binaan bangunan yang besar.

Pintu Sanmon menjadi pintu masuk utama kawasan ini. Lokasinya adalah di tepi jalan antara *Maruyama Park* dan Kuil Shorenin. Struktur dengan ketinggian 24 meter dan 50 meter lebar adalah pintu kayu terbesar di Jepun sejak awal 1600-an. Di belakang pintu terdapat tangga yang menjadi laluan utama pengunjung ke kawasan candi utama.

Selain itu, terdapat rumah tetamu yang besar dan kecil di kawasan rumah ibadat ini digayakan dengan bumbung yang dikenali sebagai *Ohojo* dan *Kohojo* yang merupakan sebahagian warisan budaya Jepun. Rasuk bumbung juga telah dibentuk dengan lambang Keluarga Tokugawa yang merupakan puak yang paling berpengaruh di Jepun.

Kawasan merupakan sebahagian Zon Landskap (*Landscape District*) di Wilayah Kyoto di mana pemeliharannya adalah secara terancang dan mengikut garis panduan ditetapkan.



Pelan kawasan *Chion-in Temple*



Lambang Keluarga Tokugawa yang terdapat pada rasuk bumbung bangunan di sekitar *Chion-in Temple*.



Pemeliharaan warisan dilihat jelas pada pintu masuk rumah ibadat ini yang mengekalkan struktur dan senibina asal.



Pendekatan rekabentuk minimalis di perkarangan laluan masuk utama ke kawasan kuil mewujudkan *sense of welcoming* kepada pengunjung serta memelihara ciri-ciri setempat.



Suasana di Pintu Sanmon dengan komponen landskap sedia ada yang kaya dengan nilai warisan masih dikekalkan dan dipelihara dalam bentuk asal.



Keindahan landskap kawasan ini dibentuk melalui pemuliharaan warisan senibina dan landskap serta pengurusan penyelenggaraan kawasan yang komprehensif.



Keindahan landskap di *Chion-in Temple* lebih ketara apabila tibanya musim bunga iaitu pada bulan Mac dan awal April setiap tahun.



Pemuliharaan landskap yang mampan melalui pengurusan yang cekap

Kerja-kerja pemuliharaan kawasan landskap yang tetap mengekalkan rekabentuk dan bahan asal serta kaedah kerja secara tradisional.

3.8 MARUYAMA PARK, KYOTO

Maruyama Park (円山公園, Maruyama Koen) adalah sebuah taman awam bersebelahan Tokong Yasaka meliputi kawasan seluas 21 ekar di Daerah Higashiyama, Kyoto. Pada awalnya, kawasan ini adalah tempat terpencil yang diliputi dengan pokok renek dan lalang. Kemudian, pada tahun 1886, kawasan ini telah ditetapkan tapak taman dan telah dibina serta dibesarkan dalam tahun 1913 oleh Jihei Ogawa, seorang pereka landskap terkenal yang sebelum ini telah merekabentuk taman *Heian Shrine* dan *Murin-an*.

Di dalam taman ini terdapat rumah rehat, kebun kecil, restoran-restoran Jepun dan tarikan-tarikan lain. Kawasan ini sesuai dijadikan tempat untuk bersantai pada waktu pagi dan petang sambil meluangkan masa melawat banyak tempat-tempat menarik di kawasan Higashiyama.

Pada separuh pertama bulan April, taman ini menjadi tempat tarikan utama paling popular dan paling sesak di Kyoto dengan kehadiran pengunjung untuk melihat bunga ceri yang sedang mekar.



Suasana mendamaikan dilengkapi lagi dengan elemen air yang terdapat di taman ini.

Taman ini juga merupakan sebahagian daripada kawasan landskap yang dikekalkan dalam pelan Zon Landskap (*Landscape District*) bagi Wilayah Kyoto untuk pemeliharaan budaya dan landskap warisan.



Pelan kawasan *Maruyama Park* yang masih mengekalkan susun atur asal.



Pemuliharaan landskap dijalankan dari semasa ke semasa bagi mewujudkan suasana landskap yang menarik dan mampan.



Elemen *hardscape* dan *softscape* digabungkan agar suasana yang terbentuk lebih seimbang.



Rekabentuk taman yang memenuhi fungsi dan memberi keselesaan kepada pengguna.



Pengurusan yang cekap menjamin kemampan sesebuah taman.



Maruyama Park antara taman tertua yang terdapat di Kyoto dan masih berkeadaan baik walaupun telah hampir 130 tahun ianya dibina.





Pemandangan *Murayama Park* pada bulan Mac hingga April menarik ribuan pengunjung untuk melihat keindahan landskap terutamanya sewaktu bunga ceri mula mekar. Taman ini menjadi produk pelancongan penting di Kyoto yang mampu menjana pulangan dari segi ekonomi.




Kerjasama dan sokongan semua pihak dalam menyumbang kepada aktiviti pemuliharaan dan pengurusan telah menjadikan *Maruyama Park* sebuah taman yang selesa dan indah. Pelaksanaan Akta Landskap Jepun memperkukuhkan lagi usaha murni ini melalui aktiviti kawal selia dan pemberian insentif kepada pihak yang berkerjasama dalam pelaksanaan program yang dirancang.

3.9 OSAKA CASTLE PARK, OSAKA

Osaka Castle Park (大阪城公園, *Osaka-Jo-Koen*) adalah merupakan sebuah taman awam bandar dan juga tapak bersejarah yang terletak di kawasan persekitaran Istana Kota Osaka (*Osaka-jo*) di dalam Daerah Chuo-ku, Osaka, Jepun. Ia terletak di selatan Ōkawa (*Kyu-Yodo river*) dan merangkumi kawasan yang besar di Pusat Bandar Osaka. *Osaka Castle Park* ini adalah taman yang kedua terbesar di bandar tersebut.

Pembangunan taman adalah di tapak yang mempunyai sejarah yang panjang. Dalam abad ke-15, sebuah kuil militan iaitu *Ishiyama Hongan-ji* telah dibina di sini yang kemudiannya dimusnahkan oleh Toyotomi Hideyoshi (samurai legenda) pada tahun 1583 dan membina Istana Kota Osaka (*Osaka-jo*) di sini. Pada tahun 1931, *Osaka Castle Park* telah dibuka kepada orang ramai, tetapi kebanyakan kawasan tersebut telah digunakan oleh pihak Tentera Imperial Jepun sebagai markas tentera. Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, kebanyakan kompleks tentera telah dirobohkan dan digantikan oleh kemudahan taman awam bandar untuk kegunaan awam.



Pelan Osaka Castle Park



Menara Utama Istana Kota Osaka

Pada masa kini, selain dari kemudahan taman terdapat komponen lain yang menjadi tarikan utama di taman ini seperti *Osaka-jo Hall*, padang besbol, padang bola sepak, pentas muzik terbuka, dewan konsert terbuka dan Menara Utama Istana Kota Osaka. Dari puncak menara tersebut, Teluk Osaka dan Gunung Ikoma turut boleh dilihat. Kawasan ini menjadi Zon Landskap (*Landscape District*) bagi Wilayah Osaka yang menjadi komponen tarikan pelancongan utama ke sini.

Setiap hujung minggu, beberapa kumpulan pemuzik jalanan melaksanakan aktiviti seni di taman ini. Selain itu, pada musim bunga, bunga ceri dan plum yang sedang mekar menjadikan visual taman ini indah dan menarik dengan karektornya yang tersendiri.



Pandangan ke Istana Kota Osaka yang merupakan tarikan utama di taman ini. Menara utama Istana Kota Osaka yang menjulang tinggi merupakan simbol kota Osaka.



Tembok dan parit yang mengelilingi Istana Kota Osaka yang dahulunya bertujuan untuk pertahanan kini menjadi imej penting taman.




Laluan masuk utama ke taman dari arah *Osaka-jo-Koen Station*. Dapat dilihat aplikasi bahan berasaskan batu pada laluan jejantas yang bertujuan untuk mengekalkan ciri-ciri sedia ada di kawasan persekitaran taman berdasarkan garis panduan pembangunan yang ditetapkan bagi Zon Landskap (*Landscape District*).



Rekabentuk taman yang ringkas tetapi memenuhi fungsi kepada pengguna .

Laluan ke padang besbol turut menggunakan material batu bagi tujuan keseragaman.



Rekabentuk taman yang ringkas tetapi memenuhi fungsi dan ruang kepada pengguna. Aspek pengurusan yang komprehensif turut membantu ke arah pembentukan imej pembangunan landskap taman bertaraf antarabangsa.



Jambatan utama ke Istana Kota Osaka merentasi parit besar yang masih lagi mengekalkan elemen kayu untuk mengekalkan karektor kawasan taman ini.



Pintu Gerbang Otemon (Gerbang Besar) yang merupakan pintu masuk utama ke kompleks istana masih dikekalkan dalam bentuk asal.



Usaha pengekalan dan pemuliharaan kawasan taman ini terus giat dilaksanakan walaupun ia telah berusia ratusan tahun. Anak panah menunjukkan baik pulih tembok yang menggunakan bahan yang sama.



Suasana taman lebih menyerlah sewaktu musim bunga dengan warna yang terhasil dari pokok ginkgo, ceri dan plum. Keadaan ini memperkukuhkan lagi imej taman ini sebagai mercu tanda Osaka.



Keindahan taman ini bukan sahaja terletak kepada keistimewaan rekabentuk binaan bangunannya malah juga keindahan senibina landskap dan ruang hijau yang dihasilkan.

4.0 KAWASAN LANDSKAP

4.1 LANDSKAP PINGGIRAN JALAN

Secara umumnya, kebanyakan jalan-jalan utama di kawasan yang dilawati iaitu Tokyo, Kyoto dan Osaka mempunyai tahap kualiti landskap yang baik. Pokok-pokok yang terdapat dipinggir jalan diselenggara dan kelihatan kemas selain faktor kebersihan yang turut diberi perhatian. Rizab landskap bahu jalan yang merangkumi pokok teduhan yang kemudiannya diikuti dengan laluan pejalan kaki mewujudkan suasana selesa dan selamat. Pokok-pokok teduhan yang bersesuaian ditanam mengikut kadar keluasan kawasan rizab landskap.

Selain itu, laluan pejalan yang disediakan juga adalah mengikut kelebaran yang bersesuaian mengikut hierarki kawasan. Laluan pejalan kaki yang lebih luas disediakan bagi jalan penghubung utama dan laluan yang lebih kecil untuk jalan penghubung sekunder. Manakala bagi lorong belakang bangunan, laluan pejalan kaki ditandakan dengan cat untuk memastikan kesinambungan jaringan laluan antara satu sama lain.

a) Tokyo



Pokok *Ginkgo biloba* yang dipercayai mula ditanam dari tahun 1920 - 1960 dipelihara dalam keadaan yang baik.



Kesan yang terhasil di musim bunga.



Ruang pejalan kaki yang lebih luas bagi kawasan dengan penggunaan yang berkapasiti tinggi.



Keluasan yang bersesuaian bagi kawasan yang penggunaannya berkapasiti rendah

b) Kyoto



Pokok *Ginkgo biloba* turut terdapat di Pusat Bandar Kyoto.



Pokok renek berbunga sekitar Kyoto.



Laluan pejalan kaki yang luas memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna terutama kanak-kanak dan penunggang basikal.



Laluan pejalan kaki hadapan bangunan adalah berturap, manakala lorong belakang bangunan ditandakan dengan cat.

c) Osaka



Pokok tepian jalan dari pandangan jejantas di *Osaka-jo koen Station*.



Kemasan laluan pejalan kaki di kawasan taman yang lebih mesra alam.

4.2 TAMAN POKET

Perancangan landskap Jepun dilihat amat mementingkan kesinambungan jaringan hijau. Hal ini dapat diperhatikan melalui pembentukan landskap di tepian jalan yang menghubungkan taman-taman yang terdapat di dalam kawasan perbandaran. Sepanjang tepian jalan, disediakan taman poket bagi kegunaan orang awam untuk tujuan berehat, tempat pertemuan dan meredakan trafik laluan pejalan kaki terutama di kawasan persimpangan. Walaupun pada ruang yang terhad, taman poket dilihat sangat efektif dalam membentuk suasana hijau yang menyeluruh.

Taman poket yang disediakan dalam bentuk bersiri dan berkesinambungan ini juga memberikan kesan terhadap imej perbandaran yang kondusif selain membantu memelihara iklim kawasan setempat terutamanya pada musim panas. Kawasan ini juga menjadi ruang interaksi sosial di kalangan masyarakat Jepun.

a) Tokyo



Taman poket yang disediakan di laluan masuk stesyen keretapi bawah tanah menjadi tempat untuk berkumpul dan berinteraksi.



Kemudahan yang terdapat di taman poket membolehkan ianya digunakan sebagai tempat untuk berehat.



Pokok – pokok yang telah matang dikekalkan sebagai rizab landskap di kawasan taman poket untuk memberikan keseimbangan terhadap persekitaran.



Ruang antara bangunan yang turut dijadikan sebagai taman poket oleh pemilik premis tersebut.

b) Kyoto



Taman poket yang disediakan dihadapan *Kyoto Station* memberikan keselesaan kepada pengguna untuk bergerak.



Tugu peringatan yang menjadi tarikan serta memberikan imej tersendiri bagi kawasan taman poket ini.



Lorong yang dijadikan taman poket membolehkan aktiviti sampingan diwujudkan seperti café dan lain-lain.



Ruang santai ditengah-tengah kesibukan *Teramachi Street* yang merupakan kawasan tumpuan pelancong di Kyoto.



Ruang di kawasan premis milik individu yang turut dibangunkan sebagai taman poket menyumbang kepada suasana hijau yang menyeluruh di kawasan Pusat Bandar Kyoto.

4.3 LANDSKAP PINGGIRAN SUNGAI / PROMENADE

Sebagai sebuah masyarakat yang mementingkan hubungan dengan landskap semulajadi, kawasan seperti sungai dan hutan dipelihara serta diselenggara dengan baik. Melalui pemerhatian, di dapati bahawa kawasan sungai diuruskan dengan rapi dan kelihatan sangat bersih sama ada di bahagian tebing mahupun pada badan air sungai itu sendiri. Keadaan ini membolehkan sebahagian tebing sungai tersebut dibangunkan sebagai *promenade* namun dengan pendekatan rekabentuk yang sangat minimum bagi menjaga keseimbangan ekologi sungai.

Pemerhatian bagi aspek ini telah dibuat di *Kamo River* yang membahagikan bandar baru dan lama di kawasan Kyoto serta sungai-sungai yang terdapat di sepanjang laluan keretapi dari Kyoto ke Osaka.

a) *Kamo River, Kyoto*



Pokok Ceri Jepun (*Prunus serrulata*) yang terdapat di tebing *Kamo River*, Kyoto memberikan suasana berbeza pada musim yang berlainan.



Tebing *Kamo River*, Kyoto yang dibangunkan sebagai *promenade* mewujudkan ruang untuk rekreasi awam selain menjadi laluan alternatif bagi menghayati keunikan Pusat Bandar Kyoto.



Sungai yang bersih hasil dari pengurusan yang baik serta sikap masyarakat Jepun yang amat menghargai sumber landskap semulajadi



Polisi pembinaan struktur bangunan yang menghadap sungai menjadikannya terpelihara dan mampu menarik pelancong.



Kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti laluan pejalan kaki, *ramp*, jambatan, stesyen *subway* dan penanaman pokok teduhan telah meningkatkan akses ke arah sungai. Hasilnya, pemantauan semulajadi (*natural surveillance*) dapat diwujudkan di kawasan *promenade* sekaligus memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengunjung.



Antara komponen-komponen yang disediakan untuk kemudahan pengguna di sepanjang promenade di pinggir Kamo River.

b) Sungai di Laluan Keretapi Kyoto - Osaka



Sungai yang terdapat di sepanjang laluan dari Kyoto ke Osaka kelihatan bersih dan diurus dengan baik menonjolkan lagi Jepun sebagai 'Beautiful Nation' selaras dengan visi yang telah digariskan. Imej sedemikian memberikan persepsi yang baik terhadap negara Jepun.

4.4 LANDSKAP KAWASAN PERINDUSTRIAN

Sepanjang laluan keretapi dari Tokyo ke Kyoto terdapat beberapa kawasan perindustrian yang terdiri daripada kilang-kilang yang boleh dibuat pemerhatian secara sepintas lalu. Umumnya, premis-premis tersebut dilihat turut menyumbang kepada pembentukan imej landskap yang berkualiti melalui penyediaan ruang-ruang landskap di kawasan perimeter bangunan.



Tanaman penghadang disediakan di kawasan pinggir jalan berhampiran kilang. Selain itu, kawasan halaman kilang yang ditanam dengan pokok teduhan, palma, pokok renek dan tanaman penutup bumi mampu mengurangkan impak kesan visual yang tidak berkualiti selain mewujudkan kesinambungan imej landskap di Jepun.

4.5 LANDSKAP KAWASAN PREMIS MILIK INDIVIDU

Pembentukan landskap yang menarik di Jepun tidak hanya tertumpu kepada kemudahan – kemudahan landskap yang disediakan oleh pihak berkuasa sama ada di peringkat pusat atau tempatan. Pemilik premis perniagaan dan rumah persendirian turut membangunkan landskap di kawasan masing-masing serta mengambil tanggungjawab untuk menyelenggarakanannya dengan rapi. Bagi kawasan Zon Landskap (*Landscape District*), insentif cukai akan diberikan untuk pemilik yang memberikan kerjasama.

Kesannya, visual landskap yang berkualiti bukan sahaja dapat dilihat di kawasan – kawasan perbandaran dan taman, malah ianya bersifat lebih menyeluruh serta membentuk imej tersendiri negara Jepun.

a) Tokyo



Premis milik individu yang dilandskap serta diselenggara dengan baik membentuk imej perbandaran yang bersih, menarik dan mempunyai identitinya yang tersendiri selain mencerminkan budaya masyarakat yang menghargai sumber landskap.

b) Kyoto – kawasan bandar baru



Kawasan pejabat dan hotel tetap menyediakan kawasan landskap walaupun pada ruang yang minimum membentuk kesinambungan jaringan hijau dan memperkukuhkan lagi imej Pusat Bandar Kyoto sebagai bandar pelancongan.

c) Kyoto – kawasan bandar lama



Pemilik premis di kawasan bandar lama Kyoto mengambil pendekatan rekabentuk landskap yang lebih bersifat tradisional dengan pilihan warna dan bahan binaan berunsur semulajadi sesuai dengan status kawasan tersebut sebagai kawasan warisan.

4.6 KEMUDAHAN KESELAMATAN TAMAN

Pembangunan taman-taman di Jepun dilihat sangat berkesan dalam menyediakan ruang rekreasi kepada penduduk serta memberi pulangan ekonomi melalui aktiviti pelancongan yang terhasil daripada keindahan dan keunikan taman-taman tersebut. Selain faktor keindahan dan keunikan, perasaan selesa dan selamat ketika berada di taman-taman tersebut merupakan penyebab utama ianya sering dikunjungi penduduk tempatan serta pelancong dari luar negara.

Bagi memastikan keadaan taman sentiasa berada dalam keadaan selesa dan selamat, penyelenggaraan taman secara sistematik telah dilaksanakan oleh pihak yang berkaitan. Selain itu, pembinaan pagar keselamatan disekeliling taman turut memainkan peranan penting dalam memelihara keselamatan pengunjung taman. Komponen pagar yang dibina untuk tujuan keselamatan dapat dilihat pada setiap taman yang dikunjungi sama ada pagar tersebut terbentuk melalui pengekaln tembok dan parit besar (*moat*) kota istana warisan mahupun dibina melalui pendekatan moden.



Pagar untuk menentukan sempadan taman

Penyediaan pagar melalui pendekatan berbeza namun dengan tujuan yang sama iaitu untuk memberikan privasi dan keselamatan.



Menjaga keselamatan pengguna taman melalui penyediaan pagar di kawasan bercerun.



Kotak penanaman membentuk pagar yang harmoni dengan taman.



Koishikawa Botanical Garden -Skala ketinggian pagar yang bersesuaian untuk mengelakkan pencerobohan serta melindungi visual dari dalam dan luar taman.



Koishikawa Botanical Garden - Pagar berbentuk separa terbuka bagi tujuan perkongsian visual menarik yang terdapat di dalam kawasan taman.



Koishikawa Botanical Garden - Pintu masuk taman yang menempatkan kaunter tiket. Pagarnya akan ditutup setelah waktu lawatan tamat.



Osaka Castle Park - Aspek keselamatan tinggalan warisan dapat dilihat pada binaan kota istana lama yang terdiri daripada tembok dan parit besar (*moat*) yang kini turut berfungsi untuk tujuan yang sama selain memberi nilai dari segi estetik.



Kombinasi landskap kejur dan lembut membentuk pagar yang mempunyai nilai estetik dan berfungsi.



Pintu masuk kota yang kini dijadikan sebagai pintu masuk ke taman di *Tokyo Imperial Palace East Garden*, Tokyo.



Lorong disediakan berhampiran pagar di *Kyoto Gyoen National Garden* untuk tujuan penyelenggaraan serta memudahkan pemantauan keselamatan.



Kawasan *Kyoto Gyoen National Garden* dipagari oleh tembok yang dibina sejak kurun ke-17.



Pagar yang dibina untuk memisahkan kawasan peribadi (rumah rehat tetamu Kerajaan) dengan kawasan taman di *Kyoto Gyoen National Garden*.



Rekabentuk pagar masa kini yang turut mengekalkan ciri-ciri warisan yang berfungsi untuk kawalan keselamatan dan memberi keunikan tersendiri kepada persekitaran taman.

Pelbagai pendekatan rekabentuk pagar yang mempunyai karektornya yang tersendiri dan pada masa sama mempunyai fungsi dari segi keselamatan.

5.0 RUMUSAN

Jepun boleh dikatakan sebagai model rujukan terbaik dalam aspek perancangan, pembangunan, pengurusan dan kawal selia aktiviti berkaitan pembangunan dan pemeliharaan landskap. Tempoh masa lima (5) hari yang diperuntukkan bagi sesi lawatan teknikal ini dapat dirumuskan dalam bentuk jadual perbandingan seperti berikut:

Bil	Negara	
	Jepun	Malaysia
1	Tujuan / Justifikasi Penggubalan Akta	
	i. Aktiviti pembangunan ekonomi yang pesat telah memberikan kesan terhadap aspek alam sekitar dan kualiti persekitaran yang kian terjejas. ii. Tindakan Pihak Berkuasa Tempatan di negara Jepun menggubal ordinan masing-masing berkaitan landskap memerlukan sokongan perundangan untuk tujuan penyeragaman. iii. Membantu dalam usaha Kerajaan Jepun merealisasikan dasar '<i>Beautiful Nation</i>' yang bermatlamatkan pembangunan ekonomi melalui perkembangan aktiviti pelancongan.	i. Menjaga kepentingan khazanah landskap negara seperti yang digariskan dalam Dasar Landskap Negara supaya seiring dengan perkembangan pembangunan ekonomi negara yang kian pesat. ii. Membolehkan aktiviti kawal selia perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap dilakukan secara lebih sistematik dan komprehensif. iii. Memastikan visi Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020 dapat dicapai.
2	Kawalan Perancangan Landskap	
	i. Penyediaan pelan '<i>Landscape Planning Areas</i>' untuk memelihara kawasan atau komponen yang mempunyai nilai landskap di seluruh kawasan PBT. ii. Pelan '<i>Landscape District</i>' disediakan untuk kawasan yang mempunyai nilai landskap di kawasan perbandaran. Garis panduan terperinci disediakan dalam dokumen ini. iii. Pelaksanaan kaedah dan garis panduan adalah mandatori bagi kawasan atau komponen yang telah digazetkan termasuk kawasan hakmilik individu.	i. Pelan Induk Landskap (PIL) disediakan untuk merancang pembangunan landskap secara menyeluruh di kawasan PBT dan turut disertakan dengan garis panduan umum. ii. PIL turut memperincikan lima (5) kawasan pelan tindakan pembangunan untuk dibangunkan. iii. Pendekatan yang sama boleh digunakan melalui penambahbaikan garis panduan landskap di dalam Pelan Induk Landskap. Penggubalan akta juga membolehkan perkara berkaitan kawalan perancangan landskap dilaksanakan secara lebih berkesan dan sistematik.

Bil	Negara	
	Jepun	Malaysia
3	Pembangunan Taman Awam	
	i. Terdapat banyak taman awam yang dibangunkan dari Kurun ke-17 hingga penghujung Kurun ke-19 yang masih dikekalkan. ii. Taman / ruang rekreasi menjadi sebahagian daripada pembangunan istana atau rumah ibadat yang dibuka sebahagian / sepenuhnya untuk kegunaan awam. iii. Lokasi taman tetap terpelihara walaupun berada di kawasan bernilai tinggi di pusat bandar seperti Tokyo, Kyoto dan Osaka. <i>*Taman awam baru (pasca Jepun moden) tidak dapat dikunjungi kerana kekangan masa.</i>	i. Terdapat beberapa taman bernilai warisan yang dibangunkan pada Kurun ke-19 oleh pihak British, namun yang bercirikan Kesultanan Melayu tiada ditemui / dikekalkan. ii. Pembangunan taman secara terancang bermula dari tahun 1980-an di tapak yang dirizabkan sebagai tanah lapang. iii. Penentuan lokasi taman bergantung kepada kawasan dirizabkan yang kadangkala tidak sesuai dari segi kedudukan dan persekitaran. Melalui akta, rizab kawasan landskap dapat ditentukan berdasarkan keperluan dan kesesuaian selain memelihara rizab tersebut terutamanya di kawasan perbandaran yang padat.
4	Penyediaan Rizab Kawasan Landskap	
	i. Jaringan hijau jelas kelihatan melalui penyediaan pokok teduhan tepian jalan, taman poket, laluan pejalan kaki dan rizab kawasan penanaman / pengekalan pokok. ii. Pemilihan pokok teduhan dan pokok renek yang mempunyai karektor tertentu untuk mewujudkan keseragaman. iii. Rizab landskap tepian sungai turut dipelihara melalui penetapan polisi pembangunan, pembangunan <i>promenade</i>, penyediaan ruang rekreasi dan pengekalan pokok teduhan yang menyumbang terhadap kebersihan air sungai. iv. Rizab landskap kawasan perindustrian dan hartanah milik individu turut dititik beratkan melalui penguatkuasaan undang-undang serta pemberian insentif bagi pihak yang berkerjasama.	i. Penyediaan jaringan hijau kurang menyeluruh terutama di bandar-bandar kecil menyebabkan keadaan sesebuah kawasan perbandaran tidak kondusif. ii. Pemilihan pokok adalah berdasarkan kesesuaian kawasan dan cadangan rekabentuk oleh pihak berkaitan. iii. Rizab landskap tepian sungai kurang diberi perhatian terutama di kawasan perbandaran yang mengakibatkan pencemaran. iv. Polisi dan garis panduan penyediaan rizab landskap di kawasan industri serta hartanah milik individu tidak mengikat mana-mana pihak untuk mematuhi kerana ketiadaan perundangan.

Bil	Negara	
	Jepun	Malaysia
5	Pengurusan Landskap	
	i. Umumnya kawasan taman dan rizab landskap sentiasa diselenggara dengan baik dan dalam keadaan bersih serta sedia untuk digunakan. ii. Pengurusan taman tidak hanya bergantung kepada pihak Kerajaan. Peruntukan undang-undang membolehkan pihak swasta dan individu menguruskan taman, kawasan atau komponen landskap melalui kaedah tertentu.	i. Pengurusan taman dan rizab landskap merupakan masalah utama apabila sesuatu projek disiapkan terutama bagi PBT yang kecil dan kurang pendapatan. ii. Saluran peruntukan adalah daripada pihak Kerajaan Pusat dan tidak mencukupi untuk pengurusan landskap di seluruh negara. iii. Ketiadaan peruntukan undang-undang dan sistem sedia ada tidak mendorong penglibatan pihak swasta atau individu.



PENGHARGAAN

YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBhg. Datin Noriah binti Hashim

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Tuan Haji Esa bin Hj. Ahmad

Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

Tuan Syed Farizal Aminy bin Syed Mohamad

Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo

Jawatankuasa Latihan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jawatankuasa Latihan

Jabatan Landskap Negara

Encik Naoto Hayashi

Ministry of Land, Infrastructure, Transportation and Tourism (MLIT) Japan

Cik Hiromi Rokuta

Penterjemah MLIT

Bahagian Kewangan dan Perolehan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Jabatan Landskap Negara

Bahagian Pengurusan

Jabatan Landskap Negara

Puan Azlin binti Abdul Hamid

Urusetia

Jawatankuasa Kerja Akta Landskap

Jabatan Landskap Negara



Delegasi Lawatan:



Ketua Delegasi Lawatan

Puan Hj. Rotina binti Mohd Daik

Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kerja Akta Landskap
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Landskap Negara



Encik Mohd Nasir bin Mohamed

Ahli Jawatankuasa Kerja Akta Landskap
Penolong Pengarah Arkitek Landskap
Jabatan Landskap Negara



Encik Mohd Nazeiree bin Lep

Ahli Jawatankuasa Kerja Akta Landskap
Penolong Pengarah Arkitek Landskap
Jabatan Landskap Negara



LAPORAN LAWATAN TEKNIKAL AHLI JAWATANKUASA KERJA AKTA LANDSKAP KE JEPUN

25 – 29 JUN 2012

Tokyo . Kyoto . Osaka